



# PROFIL KORPORAT 2024





# TERAJU Sepintas Lalu

**Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Ekonomi yang berperanan sebagai sekretariat khusus dalam memacu agenda pemerkasaan ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera dalam konteks pembangunan negara Malaysia.**

Ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai agensi kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah memainkan peranan penting dalam memajukan agenda ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera di Malaysia. Pada 20 Januari 2023, TERAJU telah beroperasi di bawah Kementerian Ekonomi, sekali gus mengukuhkan peranannya sebagai pemacu utama pemerkasaan Bumiputera dalam kerangka pembangunan negara.

Sejak penubuhan, TERAJU telah menjadi pemangkin transformasi ekonomi berimpak tinggi untuk masyarakat Bumiputera. Melalui pendekatan holistik yang merangkumi intervensi strategik, inisiatif

inovatif, dan program yang disasarkan, agensi ini telah mengukuhkan penyertaan Bumiputera dalam industri utama. Usaha ini memberi tumpuan kepada pemerkasaan keupayaan dan memastikan ekosistem pembangunan yang mampan berasaskan prinsip keadilan, kesaksamaan, dan pengagihan ekonomi yang inklusif.

Selain pembangunan ekonomi, TERAJU juga komited untuk meningkatkan kesejahteraan dan kelestarian komuniti Bumiputera. Dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan dinamik, ia bertujuan untuk mengangkat taraf sosioekonomi Bumiputera di seluruh negara. Dengan visi yang jelas dan strategi yang

komprehensif, TERAJU menyediakan penyelesaian pembiayaan dan pemudahcara yang direka bentuk untuk memperkasakan perusahaan Bumiputera, meningkatkan kecekapan, daya saing, dan keupayaan mereka untuk menembusi pasaran global dalam sektor yang sedang berkembang dan pasaran pertengahan melalui usaha peningkatan skala.


Sebagai sebuah agensi utama di bawah Kementerian Ekonomi, TERAJU terus menerajui transformasi landskap ekonomi Bumiputera, menyumbang secara signifikan ke arah pembangunan negara yang lebih inklusif dan mampan.

# Pendekatan TERAJU

TERAJU telah membangunkan strategi holistik dan berinovatif yang memupuk kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk memperkasakan penskalaan syarikat Bumiputera dengan lebih efektif. Inisiatif ini tertumpu kepada empat (4) strategi utama: Kerjasama Salingan (Reverse Linkages), Pembelian Pengurusan Langsung (Management Buy-Out), Penggabungan dan Pengambilalihan (Mergers & Acquisitions) dan Kewangan Islam (Islamic Financing). Program pembiayaan dan fasilitasi yang komprehensif menyokong strategi ini, memastikan pelaksanaan yang berkesan dan hasil yang memberi kesan.

Inisiatif ini tertumpu kepada empat (4) strategi utama:


## Kerjasama Salingan




## Pembelian Pengurusan Langsung



## Penggabungan dan Pengambilalihan



## Kewangan Islam



# Jenama Kami



**Ikon jenama TERAJU diinspirasi oleh Teraju Tiga, sebuah komponen fizikal yang penting dalam struktur utama Wau Bulan. Wau Bulan merupakan khazanah ikonik Malaysia yang terkenal dengan reka bentuk aerodinamik yang unggul. Terletak di bahagian atas Wau Bulan dalam bentuk anak panah di puncaknya, Teraju Tiga berfungsi sebagai komponen yang mengawal penerbangan, membolehkan wau melawan rintangan angin, mencipta ruang dan menstabilkan penerbangan yang lebih tinggi. Walaupun reka bentuknya adalah kecil, Teraju Tiga memainkan peranan penting dalam fungsi Wau Bulan. Ini mencerminkan falsafah TERAJU dalam memacu agenda Bumiputera. Teraju Tiga pada Wau Bulan bukan sekadar komponen teknikal; ia membawa maksud yang mendalam dalam konteks TERAJU.**

Sama seperti Wau Bulan yang memerlukan Teraju Tiga untuk terbang tinggi dan stabil, TERAJU berfungsi sebagai “Super Scaler,” yang memastikan Bumiputera

dapat mencapai kemuncak kecemerlangan ekonomi dengan kestabilan yang teguh. Dalam memacu agenda utama Bumiputera, TERAJU menjalankan pelbagai inisiatif strategik bagi mewujudkan peluang kepada usahawan Bumiputera berkembang ke peringkat lebih tinggi dan berdaya saing di persada global.

Teraju Tiga membolehkan pemain mengawal arah dan ketinggian Wau Bulan. Begitu juga TERAJU yang bertanggungjawab mengawal dan mengkoordinasi pelbagai inisiatif di samping bertindak sebagai pemudah cara dalam pembangunan ekonomi Bumiputera. Seperti keindahan Wau Bulan menghiasi langit, TERAJU terus memartabatkan aspirasi masyarakat Bumiputera di Malaysia. Dengan setiap inisiatif yang dilancarkan, TERAJU menjalin impian dan harapan untuk masa depan ekonomi Bumiputera yang lebih cerah dan sejahtera. Teraju Tiga, yang memberi inspirasi kepada ikon TERAJU, bukan sahaja mencerminkan keseimbangan, kawalan, dan perpaduan tetapi juga memainkan peranan dalam memacu aspek kesejahteraan dan kelestarian bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan dinamik, mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.



# Visi dan Misi

## Visi:

Merangka dan melaksanakan strategi pembiayaan dan pelaburan yang komprehensif untuk memperkasa syarikat Bumiputera dan meningkatkan ketangkasan, daya saing dan kehadiran global perusahaan Bumiputera dalam sektor baharu muncul dan pertengahan.

## Misi



### Peningkatan

Meningkatkan keupayaan ekonomi perusahaan Bumiputera serta memupuk ketangkasan dan daya saing mereka dalam pasaran global.



### Pengukuhan

Menguatkan daya saing perusahaan Bumiputera melalui penyediaan sokongan strategik dan fasilitasi berimpak tinggi.




### Penskalaan

Memperluas skala perusahaan Bumiputera dalam sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti.



# Perjalanan TERAJU

Agenda Pembangunan Bumiputera di Malaysia telah melalui beberapa fasa transformasi penting sejak penubuhannya. Perjalanan ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkasa komuniti Bumiputera dalam konteks pembangunan negara yang lebih luas. Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) merupakan titik permulaan yang penting dalam penyelarasan pembangunan Bumiputera. Dipengerusikan oleh Perdana Menteri, MTAB diberi mandat untuk mengawasi pembangunan Bumiputera, dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertindak sebagai sekretariatnya.



Pada 8 Februari 2011, satu transformasi penting berlaku apabila MTAB dinamakan semula sebagai Majlis Tindakan Agenda Bumiputera. Seiring dengan perubahan ini, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) ditubuhkan sebagai sekretariat khusus, menggantikan peranan UPE. Langkah ini menandakan permulaan era baru dalam usaha memajukan agenda Bumiputera dengan lebih fokus dan teratur.

8 Februari 2011




Evolusi struktur penyelarasan agenda Bumiputera terus berlaku dengan penukaran MTAB kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) pada 14 September 2013. Perubahan ini mencerminkan peningkatan komitmen terhadap pemerksaan ekonomi Bumiputera.

14 September 2013



Pada 14 April 2015, status TERAJU diperkukuhkan lagi apabila ia diiktiraf secara rasmi sebagai agensi yang sah di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

14 April 2015



**Evolusi penyelarasan agenda pembangunan Bumiputera di Malaysia menunjukkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkasa komuniti Bumiputera. Melalui pelbagai transformasi struktural dan pengukuhan mandat, TERAJU kini memainkan peranan penting sebagai badan koordinasi utama dalam memacu agenda ini. Dengan kajian dan penstrukturan semula yang berterusan, Malaysia berusaha untuk memastikan agenda Bumiputera terus relevan dan efektif dalam konteks pembangunan negara yang semakin mencabar.**



Pengiktirafan ini menggariskan peranan penting TERAJU dalam memacu agenda Bumiputera. Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 14 Julai 2020 menandakan satu lagi mercu tanda penting. TERAJU diperkasakan sebagai badan koordinasi utama, bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan dasar-dasar dan strategi-strategi ekonomi sosial Bumiputera yang komprehensif. Ini termasuk penubuhan pangkalan data sosio-ekonomi yang kukuh dan terkini untuk memastikan perancangan dasar berasaskan data. EAC juga mengesahkan penubuhan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB), yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, sebagai platform utama untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera.

14 Julai 2020



Manakala pada 20 Januari 2023, TERAJU secara rasmi dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Ekonomi. Perubahan ini diformalisasikan melalui Warta Kerajaan Persekutuan di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2023 (P.U (A) 27).

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim pada 11 September 2023, menetapkan hala tuju masa depan agenda Bumiputera. Beliau menyeru agar diadakan kajian menyeluruh terhadap peranan dan fungsi TERAJU untuk mengesahkan kedudukannya sebagai agensi penyelarasan utama dalam agenda Bumiputera. Inisiatif ini diperincikan di bawah Bab 6: Membina Masyarakat Inklusif dan Lebih Tahan Lasak; Strategi E1: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan yang bertujuan untuk memperkukuh peranan agensi-agensi yang diamanahkan dengan agenda Bumiputera dan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera.

20 Januari 2023

# Nilai dan Prinsip Teras

## Nilai Teras:

### Amanah

Sebagai sebuah agensi yang komited dalam memperjuangkan pemeraksanaan dan pengukuhan kedudukan sosioekonomi Bumiputera, adalah amat penting bagi TERAJU berusaha untuk menjadi agensi yang amanah dengan jenama yang dipercayai. Kepercayaan ini amat penting dalam merealisasikan visi dan misi untuk masa depan Bumiputera yang lebih baik.

### Saksama

Kami berhasrat untuk memacu pertumbuhan ekonomi di negara, serta memastikan akses kepada pembiayaan dan sumber, diagihkan secara saksama dan ditawarkan kepada seluruh komuniti Bumiputera di Malaysia.

### Tekad

Dengan lebih daripada sedekad pengalaman dalam memacu agenda ekonomi Bumiputera, TERAJU kekal teguh di landasan untuk terus menghadapi cabaran ekosistem syarikat pemula, dengan menangani jurang pembiayaan, meningkatkan daya saing, serta memupuk keterangkuman dan kepelbagaian, di samping terus memperkukuh kemajuan sosioekonomi.

### Pemecut

TERAJU komited dalam usaha untuk memupuk dan memperkasakan syarikat pemula Bumiputera melalui program kohort yang menyeluruh, merangkumi bimbingan, pendidikan, dan pemeraksanaan untuk mendorong inovasi dan pertumbuhan.

### Pekerjaan

Kami percaya dengan peranan utama yang dimainkan oleh syarikat pemula dan firma muda dalam mencipta pekerjaan, serta membawa inovasi ke pasaran. Melalui inisiatif TERAJU, kami mengharapkan penyertaan yang lebih tinggi dalam kalangan Bumiputera dalam ekosistem syarikat dan sekali gus menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat.


### Sejagat

TERAJU bercita-cita untuk menjadikan laluan ke ekosistem permulaan lebih mudah diakses untuk mewujudkan masa depan yang lebih inklusif dan pelbagai untuk sektor ini.

## Prinsip:

**Mewujudkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan dengan agihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.**

# Struktur Organisasi



# Lembaga Pemegang Amanah

## YB Dato' Seri Mohd Rafizi Ramli

**Ahli, Lembaga Pemegang Amanah TERAJU / Menteri Ekonomi**

Dato' Seri Mohd Rafizi Ramli adalah seorang pemimpin yang pengalaman luas dalam sektor korporat dan awam. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Leeds, UK. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institute of Chartered Accountants di England dan Wales. Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah TERAJU pada 27 Mac 2023, Dato' Seri Mohd Rafizi pernah memegang beberapa jawatan penting sepanjang kerjayanya. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus dan Pengurus Kanan di PETROLIAM NASIONAL BERHAD (2003-2009), Pengurus Besar di Pharmaniaga Berhad pada tahun 2009, dan menjadi sebahagian daripada Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor (2009-2012). Di samping itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Pusat Pengawasan Nasional & Pemberi Maklumat (2012-2018) dan mengasaskan Invoke Malaysia (2016-2022), yang memainkan peranan utama dalam memajukan pandangan politik dan ekonomi. Sejak tahun 2022, Mohd Rafizi berkhidmat sebagai Menteri Ekonomi, di mana beliau terus memacu strategi ekonomi Malaysia dan memajukan pembangunan lestari.



# Lembaga Pemegang Amanah

## Dato' Nor Azmie Diron

**Ahli, Lembaga Pemegang Amanah TERAJU / Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi**

Dato' Nor Azmie Diron merupakan seorang penjawat awam yang berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan, yang menjangkau hampir tiga dekad. Beliau memiliki Diploma dalam Pentadbiran Awam dari INTAN, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi dari Universiti Malaya, dan Ijazah Sarjana dalam Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah TERAJU pada 27 Mac 2023, Dato' Nor Azmie kini memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Ekonomi. Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting seperti Penolong Pendaftar di Universiti Malaya (1993-1994), pelbagai jawatan kanan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan (1995-2003), serta Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Perdana Menteri (2004-2007). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di UPEN (2007-2015) dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (2015-2017).

Dato' Nor Azmie turut memegang jawatan penting dalam bidang kewangan dan kepimpinan, termasuk Pegawai Kewangan Negeri (2018-2021) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (2021). Sebelum menjawat jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 2022.



# Lembaga Pemegang Amanah

## Dr. Nirwan Bin Noh Ramli

**Ahli, Lembaga Pemegang Amanah TERAJU / Timbalan Setiausaha (Penyelidikan Ekonomi) Bahagian Fiskal & Ekonomi, Kementerian Kewangan**

Dr. Nirwan Bin Noh Ramli telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah TERAJU pada 1 Ogos 2024. Beliau kini bertugas sebagai Timbalan Setiausaha (Penyelidikan Ekonomi) di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan.

Dr. Nirwan memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari McGill University, M.Phil dalam Kewangan Antarabangsa dan Dasar Ekonomi dari University of Glasgow, dan Ph.D. dalam Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam pentadbiran awam, kepakaran beliau adalah dalam perancangan ekonomi, dasar perdagangan, dan pengurusan fiskal. Beliau pernah berkhidmat di pelbagai institusi kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Unit Perancang Ekonomi, serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Sumbangan beliau telah memberi impak besar kepada pembangunan industri, dasar fiskal, dan tadbir urus ekonomi negara.



# Pengurusan Teraju

## Junady Nawawi

### Ketua Pegawai Eksekutif

Junady Nawawi merupakan tokoh yang dikenali ramai dalam ekosistem keusahawanan Bumiputera. Dengan pengalaman lebih 25 tahun dalam perkhidmatan dan kepimpinan di syarikat berkaitan kerajaan, Junady telah mengasah kepakarannya dalam pelbagai bidang. Pengalaman luasnya merangkumi pengurusan dan pembangunan strategi korporat, kewangan domestik dan antarabangsa serta pembangunan perniagaan dan usahawan.

Di bawah kepimpinan Junady, TERAJU dijangka akan mencapai tahap yang lebih tinggi. Rekod prestasi yang terbukti dan pengetahuan luasnya menjadikan beliau pemimpin yang ideal untuk membimbing organisasi dalam misinya untuk meningkatkan status Bumiputera ke tahap kemakmuran dan kejayaan yang baharu.

Tarikh Lantikan: **16 September 2023**

Berkhidmat TERAJU sejak: **16 September 2023**



# Pengurusan Teraju

## Norfaazah Basir

### Pengarah Kanan Perkhidmatan Korporat

Norfaazah Basir merupakan salah seorang perintis yang memainkan peranan integral dalam penubuhan TERAJU pada tahun 2011, menjadikan beliau antara tunjang utama dalam pembentukan agensi strategik ini.

Dengan pengalaman profesional yang melangkaui lebih dua dekad setengah, Norfaazah telah mengukir kerjaya yang cemerlang merentasi pelbagai sektor. Portfolio beliau yang komprehensif merangkumi pengalaman berharga di syarikat-syarikat swasta terkemuka serta entiti berkaitan kerajaan dengan kepakaran khusus dalam bidang Perkhidmatan Perundingan Kewangan dan Modal Teroka.

Sepanjang perjalanan kerjaya yang dinamik ini, Norfaazah telah menunjukkan kepemimpinan yang unggul melalui pelbagai peranan eksekutif yang mencabar. Antaranya Ketua Penyelidikan Pasaran, Peneraju Perancangan dan Komunikasi Korporat, Pengarah Operasi dan Ketua Pembangunan Perniagaan. Kepelbagaian pengalaman ini telah mengasah kemahiran kepemimpinan beliau untuk menjadi seorang pemimpin yang versatil dan berwawasan dalam landskap korporat Malaysia.

Tarikh Lantikan: **Januari 2018**

Berkhidmat TERAJU sejak: **10 Januari 2011**



# Pengurusan Teraju

## Mohd Najib bin Jaafar

### Pengarah Kanan Penyampaian Strategik

Mohd Najib bin Jaafar berkhidmat sebagai Pengarah Kanan Bahagian Penyampaian Strategik di TERAJU, di mana beliau memainkan peranan penting dalam memacu inisiatif untuk syarikat Bumiputera yang berfokus kepada Program Pembiayaan. Beliau merupakan graduan University of North Carolina, Amerika Syarikat serta mempunyai Profesional Kredit Bertauliah (“CCP”) sejak tahun 2003. Dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam Perbankan Korporat dan Pasaran Modal Islam, jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Sindikasi dan Produk Berstruktur di Kuwait Finance House.

Tarikh Lantikan: **01 November 2022**

Berkhidmat TERAJU sejak: **01 Oktober 2015**



# Pengurusan Teraju

## Nik Nazree Nik Abd Rahman

### Pengarah Kanan Perancangan Strategik

Sebelum menyertai TERAJU pada 2020, Nik Nazree Nik Abdul Rahman mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam transformasi perniagaan dan sektor awam, perancangan, perundingan, pengurusan projek dan prestasi. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah, Perancangan Strategik pada 2020 dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan fungsi Penyelidikan Ekonomi dan Analitik Data dalam bahagian tersebut. Beliau terus membangunkan bahagian ini, menyelia pelbagai fungsi termasuk Penyelidikan, Analitik, Teknologi Maklumat, serta Strategi, Intervensi dan Penyelarasan, dan dinaikkan pangkat kepada Pengarah Kanan, Perancangan Strategik pada 2024.

Tarikh Lantikan: **01 April 2024**

Berkhidmat TERAJU sejak: **01 September 2020**



TERAJU melaksanakan strategi pembiayaan dan pelaburan bersasar yang direka untuk meningkatkan kecekapan, daya saing dan ketersediaan global dalam segmen pasaran pemula dan pertengahan. Ini dicapai melalui program pemudahcara dan pembiayaan komprehensif yang disesuaikan untuk menyokong syarikat Bumiputera.

# Program dan Inisiatif



# Pemudahcaraan

## Depositori Lembaga Pengarah Bumiputera

### Objektif:

- Menggalakkan perkongsian ilmu dan memberi bimbingan.
- Memudahcara hubungan dan jaringan (networking) antara syarikat Bumiputera dan golongan profesional berpengalaman.
- Meningkatkan tadbir urus bagi syarikat Bumiputera.
- Memperkukuh dan menyokong perkembangan syarikat Bumiputera ke arah membuat keputusan yang berinformasi, mengatasi halangan, dan mencapai pertumbuhan mampan.

**Skop termasuk padanan lembaga pengarah, padanan penasihat korporat dan jaringan kerjasama**

### Sasaran:

#### Perniagaan Bumiputera

- Syarikat pemula & syarikat pertengahan yang sedang berkembang.


#### Profesional Bumiputera Berpengalaman

- Pesara sepenuh masa atau separuh masa.
- Golongan profesional yang masih di dalam perkhidmatan.

### Proposi Nilai:

- Menjalinkan hubungan perniagaan dengan individu profesional yang berkemahiran.
- Membentuk ekosistem sokongan yang berdaya tahan.
- Memberikan sumbangan kepada peningkatan tadbir urus korporat, pengambilan keputusan strategik, dan pembangunan ekonomi yang lebih meluas.

### Aliran Proses Padanan Lembaga Pengarah dan Penasihat Korporat



### Manfaat dan Impak

#### Untuk Syarikat Bumiputera

- Menggalakkan akses syarikat Bumiputera kepada kepakaran dan pengalaman Lembaga Pengarah dan Penasihat Korporat terkemuka dalam industri dan bidang tertentu.
- Membuka peluang syarikat Bumiputera untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat dari Lembaga Pengarah dan Penasihat Korporat bagi merancang strategi dan meningkatkan prestasi syarikat.
- Mendapatkan akses rangkaian dan jaringan profesional bagi meningkatkan kolaborasi perniagaan.

#### Untuk Profesional

- Peluang untuk berkongsi kepakaran dan menyumbang kepada komuniti.
- Peluang untuk memperluaskan jaringan.

# Pemudahcaraan

## Depositori Pelabur Pemangkin

### Objektif:

- Menangani jurang pembiayaan yang dihadapi oleh syarikat Bumiputera
- Menggalakkan dan memudahcara pelabur pemangkin dalam komuniti Bumiputera
- Menggalakkan perkongsian pengetahuan dan bimbingan secara berterusan
- Menyumbang kepada pertumbuhan dan kejayaan ekosistem syarikat Bumiputera

**Skop termasuk padanan pelabur mangkin dan perniagaan serta jaringan kerjasama**

### Sasaran:

#### Perniagaan Bumiputera

- Syarikat pemula di peringkat awal & syarikat pertengahan yang sedang pesat berkembang.

#### Individu yang berjaya dengan sumber kewangan Profesional


#### Bumiputera/ Institusi pelaburan yang berpengalaman:

- Golongan individu yang berjaya
- Pelabur/Institusi yang berpengalaman

### Proposi Nilai:

- Membuka akses kepada pelaburan
- Pelaburan impak
- Jaringan rangkaian

### Aliran Proses Padanan Depositori Pelabur Pemangkin Bumiputera



### Manfaat dan Impak

#### Untuk Syarikat Bumiputera

- Menggalakkan syarikat Bumiputera kepada akses pelaburan.
- Mendapatkan panduan/bimbingan berpotensi daripada pelabur berpengalaman.
- Berpeluang membina rangkaian dan kerjasama perniagaan.
- Meningkatkan “visibility” menerusi pelaburan berimpak tinggi

#### Untuk Profesional

- Memanfaatkan peluang pelaburan yang lebih luas.
- Menyertai aktiviti pelaburan yang berimpak tinggi.
- Kepelbagaian peluang pelaburan.
- Perkongsian rangkaian dan pengetahuan dalam pelaburan

# Pembiayaan

## Pembiayaan Dana Pengembangan Dan Katalis Bumiputera

### Objektif:

Untuk menyediakan sokongan kewangan strategik dengan kerjasama institusi kewangan, institusi kewangan pembangunan dan agensi kerajaan bagi tujuan meningkatkan skala dan pengembangan perusahaan Bumiputera.

### Tujuan Pembiayaan:

- Modal Kerja
- Penggabungan dan Pengambilalihan
- Pembelian Aset
- Pembiayaan Kontrak & Projek

### Kriteria standard untuk program pembiayaan

- **Sasaran:** Syarikat Pemula hingga Syarikat Bersaiz Sederhana.
- **Sektor Liputan:** Semua sektor ekonomi namun keutamaan diberikan kepada Sektor Bernilai Tinggi Pertumbuhan Tinggi (High Growth High Value "HGHV").
- **Kriteria Kelayakan:** Minimum 51% pemilikan saham Bumiputera dalam syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan/majoriti pengurusan tertinggi syarikat mestilah Bumiputera, dan syarikat mesti diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016

### Saiz Dana Pembiayaan

# RM1.0 Bilion

(pembiayaan sehingga RM10.0 juta bagi setiap syarikat)

### Kadar Keuntungan

# Sehingga BFR+2.0% setahun

### Tempoh Pembiayaan

# Sehingga 8 tahun



# Pembiayaan

Program Pembiayaan Projek & Modal Kerja - Islamik (i-WCPF)

## Objektif:

Menyediakan akses pembiayaan alternatif melalui platform digital pembiayaan *Peer-to-Peer* (P2P) yang inovatif bagi tujuan meningkatkan skala dan pengembangan perusahaan Bumiputera.

## Tujuan Pembiayaan:

- Pembiayaan Kontrak dan Projek Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan tender atau kontrak sektor swasta.

## Kriteria standard untuk program pembiayaan

- **Sasaran:** Syarikat Pemula hingga Syarikat Bersaiz Sederhana.
- **Sektor Liputan:** Semua sektor ekonomi namun keutamaan diberikan kepada Sektor Bernilai Tinggi Pertumbuhan Tinggi (High Growth High Value "HGHV").
- **Kriteria Kelayakan:** Minimum 51% pemilikan saham Bumiputera dalam syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan/majoriti pengurusan tertinggi syarikat mestilah Bumiputera, dan syarikat mesti diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016

Saiz Dana Pembiayaan

# RM100.0 juta

(pembiayaan sehingga RM1.0 juta bagi setiap transaksi)

Kadar Keuntungan

# 1% sebulan atau sehingga 12% setahun

Tempoh Pembiayaan

# Sehingga 12 bulan



# Pembiayaan

## Kerjasama dan Perkongsian

TERAJU bekerjasama rapat dengan entiti utama seperti Yayasan Peneraju dan Ekuinas, dengan matlamat membangunkan ekosistem sokongan yang komprehensif untuk perniagaan Bumiputera di setiap peringkat pembangunan.


Yayasan Peneraju memainkan peranan penting dengan membangunkan bakat bernilai tinggi dalam kepimpinan perniagaan, profesional, dan komuniti, dengan memberi tumpuan kepada bidang baharu seperti peralihan tenaga dan teknologi digital.

Ekuinas pula memperkukuhkan ekosistem ini dengan peruntukan dana sebanyak RM800 juta untuk memacu syarikat Bumiputera yang berprestasi tinggi.

Gabungan kerjasama ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12, memperkukuhkan komitmen TERAJU untuk membina landskap keusahawanan yang mampan, memperkasakan perniagaan, dan menyumbang kepada pembangunan negara.



# Pencapaian dan Kejayaan Utama



Sejak penubuhannya, TERAJU telah berjaya menjana RM146.32 bilion untuk komuniti perniagaan Bumiputera, memudahkan pelaburan swasta sebanyak RM14.79 bilion melalui Dana Mudah Cara, dan mencapai modal pasaran sebanyak RM10.07 bilion melalui penyenaian syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Berdasarkan pencapaian kewangan ini, TERAJU turut memperkenalkan inisiatif utama seperti Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB). Dilancarkan pada tahun 2014, SUPERB bertujuan merapatkan jurang ekonomi dengan menggalakkan penyertaan lebih besar Bumiputera dalam bidang keusahawanan. Program ini menyediakan peluang kepada syarikat pemula niaga untuk mendapatkan pengiktirafan, pembiayaan, dan pembangunan bagi idea-idea inovatif mereka, seterusnya menyumbang kepada matlamat ekonomi Malaysia yang lebih luas.

Untuk layak, syarikat pemula mesti telah beroperasi kurang daripada tiga (3) tahun dan membentangkan penyelesaian kreatif yang sejajar dengan fokus SUPERB merentas sektor utama.

Sektor-sektor utama ini merangkumi bidang yang berpotensi menjana pertumbuhan, seperti **ekonomi digital, kewangan, pelancongan, pembuatan, makanan dan pertanian, keselamatan, pembinaan, aeroangkasa, logistik, dan pengangkutan mampan.**

Di TERAJU, kami percaya bahawa pemerksaan usahawan Bumiputera bukan sahaja akan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat tetapi juga mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam ekonomi global.



## Mengapakah SUPERB penting untuk ekosistem syarikat pemula di Malaysia?

### Identiti Budaya dan Inovasi

Kami menggalakkan usahawan Bumiputera untuk menghargai identiti budaya mereka yang unik dan membangunkan idea perniagaan inovatif yang berteraskan nilai dan tradisi tempatan. Ini akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang menonjol kerana keunikan mereka.

### Integriti sebagai Asas

Kami mengekalkan piawaian etika yang kukuh untuk meningkatkan kredibiliti syarikat pemula sekali gus, menarik lebih ramai pelabur, rakan kongsi dan pelanggan tempatan dan antarabangsa.

### Penyertaan dalam Pertumbuhan Ekonomi

Dengan memupuk dan menyokong

usahawan Bumiputera berpotensi, ekonomi yang lebih inklusif akan dapat diwujudkan, memastikan semua segmen masyarakat mengambil bahagian dan meraih manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Inklusiviti dalam ekonomi akan mengukuhkan ekosistem syarikat pemula yang lebih luas melalui kepelbagaian idea, kepimpinan dan sumbangan ekonomi.

### Membina Daya Saing Global

Memperkuh identiti dan integriti usahawan Bumiputera melalui pembangunan kemahiran, akses kepada pembiayaan, dan pendedahan kepada pasaran global dapat membantu mereka memasuki pasaran antarabangsa dengan asas perniagaan yang kukuh dan penawaran yang unik.

### Kelestarian Ekosistem

Integriti dan identiti peserta adalah teras kepada ekosistem permulaan yang sihat dan berjaya. Memperkasa usahawan Bumiputera akan memastikan kemampanan dan pertumbuhan syarikat pemula, dengan potensi untuk berkembang di peringkat global sambil kekal berakar pada prinsip tempatan yang kukuh.

# Matlamat dan Perancangan Masa Depan



Pada Julai 2023, YAB Perdana Menteri melancarkan Rangka Kerja Ekonomi MADANI, yang berfungsi sebagai asas dan prinsip panduan untuk rancangan ekonomi dan pembangunan negara kita. Rangka kerja itu menggariskan nilai dan sasaran peringkat tinggi untuk Malaysia menjadi negara Asia yang terkemuka dalam pembangunan ekonomi yang berperikemanusiaan—mencapai pertumbuhan yang menegakkan prinsip kemanusiaan dan keadilan sosial.

Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 atau PuTERA35, yang dilancarkan lebih setahun selepas Ekonomi MADANI, dibangunkan selaras dengan rangka kerja ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-12 dengan input daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk sektor swasta, GLC, GLIC, pemain industri, masyarakat sivil, dan pemimpin masyarakat. Pelan transformasi 10 tahun itu bertujuan menangani jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat Bumiputera, termasuk Orang Asli dan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak, serta komuniti bukan Bumiputera.

PuTERA35 menekankan kerjasama merentasi etnik dan berusaha untuk memastikan semua kumpulan etnik mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Untuk menangani jurang ekonomi dengan berkesan dan untuk menyokong pembaharuan struktur ekonomi yang sedang giat dilaksanakan, sektor dan industri baharu yang menawarkan nilai tambah tinggi, termasuk Pertumbuhan Tinggi Nilai Tinggi (High Growth High Value, HGHV) dan industri berimpak tinggi, telah dikenal pasti untuk memacu ekonomi Malaysia. Melalui sektor utama ini, PuTERA35 menjangkakan untuk:

- Peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan penguasaan berkesan ke arah mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus pada tahun 2035;
- Peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera GLC dan GLIC kepada 20% pada tahun 2035;

- Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir adalah sekurang-kurangnya 70% pada tahun 2035; dan
- Merapatkan jurang pendapatan antara Bumiputera dan kaum lain, serta menamatkan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Bumiputera menjelang 2035.

TERAJU, sebagai salah satu daripada sembilan (9) agensi utama yang diberi mandat khusus untuk memacu agenda pembangunan Bumiputera, memainkan peranan penting dalam menyelaras dan memperkasakan masyarakat Bumiputera melalui PuTERA35. Bekerja bersama-sama agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Peneraju, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), dan Perbadanan Ekonomi Negeri, TERAJU memberi tumpuan untuk memupuk penyertaan Bumiputera dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha TERAJU terus disokong oleh institusi seperti Permodalan Nasional Bhd (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dan Perbadanan Nasional Bhd (PNS), yang secara kolektif menyumbang kepada memajukan kedudukan sosioekonomi masyarakat Bumiputera.



**Unit Peneraju Agenda Bumiputera**

Tingkat 13, Blok A, Suasana PjH

Jalan Tun Abdul Razak

Presint 2

62100 Putrajaya

